

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
WASIAT HARTA**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai wasiat Allahyarham Maimoon binti Mohammad Nor.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusan adalah seperti berikut :

"Mengenai wasiat arwah Maimon binti Mohd Nur yang telah menyerahkan semua hartanya kepada anak-anak saudaranya yang perempuan, sedangkan mereka itu "Zawil Arham ()", ahli mesyuarat mendapati bahawa ia hanya menyebut mengaku menerima dan tidak menyerahkan hartanya kepada waris dan surat daripada peguam Khairuddin dan rakan-rakan didapati bukanlah surat wasiat seperti mana yang didakwa olehnya, setelah diteliti oleh ahli mesyuarat,

oleh yang demikian wasiat harta daripada Maimon binti Mohd Nur tidak boleh diterima oleh warisnya dan kembali kepada hak Baitulmal "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 23 Mei 1991.